

## Analisis Bibliografi Karya HAMKA dalam Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia

ZAWIYAH BABA & ZURAIDAH HASSAN

### ABSTRAK

*HAMKA atau Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah merupakan penulis dan tokoh pemikir yang tersohor Alam Melayu dan telah dinobatkan sebagai Pahlawan Nasional Indonesia pada tahun 2011. Kajian bio-bibliografi ini bertujuan membina profil yang terperinci mengenai terbitan-terbitan tentang Hamka. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mempunyai salah satu koleksi karya Hamka yang terbesar di Malaysia. Koleksi PNM dipilih sebagai asas kajian ini disebabkan data katalog koleksinya didapati paling lengkap dan banyak membantu analisis bibliografi ini. 70% karya Hamka yang terdapat dalam koleksi PNM diterbitkan di Malaysia, suatu petunjuk tentang kepopularitian beliau dinegara ini dan wajar di pilih sebagai salah seorang tokoh dalam projek Tokoh Pemikir Alam Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM. Analisis bibliografi ke atas karya Hamka dan penulisan tentang beliau dikaji dari pelbagai aspek seperti bidang penulisan, penulis-penulis tentang beliau, tempoh, tempat atau negara karya beliau diterbitkan. Selain data katalog perpustakaan, data juga diperolehi dari temubual dengan beberapa orang saudara beliau di Maninjau, Sumatera. Kajian mendapati keseluruhannya penulisan beliau berlandaskan agama Islam dan semangat dan nilai keislaman. Kajian ini juga menunjukkan bidang-bidang yang beliau paling prolifik berkarya, penulis-penulis tentang Hamka, tempoh dalam hayat beliau yang beliau paling prolifik menulis serta negara-negara yang menerbitkan karya Hamka.*

*Kata kunci: Hamka, penulis dan sarjana, Pahlawan Nasional Indonesia, agama Islam, politik Indonesia, adat perpatih*

### ABSTRACT

*HAMKA or Haji Abdul Malik Bin Abdul Karim Amrullah is a foremost writer and thinker in the Malay World who has been hailed as the National Warrior of Indonesia in 2011. This bio-bibliographic study aims to develop a more detailed profile about Hamka and his works. The National Library of Malaysia (PNM) has one of the largest collections on Hamka and is selected as the basis for this study as its catalogue contains the most details about Hamka's works. 70 % of Hamka's works found in PNM's collection is published in Malaysia, an indication of his popularity here, and which amply justifies his selection for ATMA's project on Malay World Writers and Thinkers. The analysis of Hamka and his works is mainly in respect of his writing and writers and writing about him. In addition to catalogue data and the publications themselves, additional information was gathered from interviews with relations from his birthplace in Maninjau, Sumatera. The study found that the overriding theme of his writing is on Islam and Islamic values and spirit. The study also shows topics where he was most prolific, his most productive literary periods and countries where Hamka's work has been published.*

*Key words: Hamka, writer and scholar, National Warrior of Indonesia, Islamic religion, Indonesian politics, adat perpatih.*

### PENGENALAN

Hamka atau dikenali sebagai Buya Hamka merupakan seorang ulama, aktivis politik dan penulis Indonesia yang terkenal dan sangat produktif di Alam Melayu termasuk Malaysia dan Singapura sekitar abad ke-20. Pemikirannya tertumpu kepada pelbagai persoalan yang dihadapi oleh umat Islam seperti keagamaan, kehidupan sosial kemasyarakatan dan sastera dan telah membantu pengembangan intelektual umat Islam. Hamka merupakan seorang yang petah berpidato, berjiwa seni melalui pantun

dan syair dalam karyanya serta seorang yang berani dalam menentang pihak Belanda di Indonesia. Kepopularitian penulisan Hamka adalah dalam pelbagai bidang pengetahuan termasuk ilmu falsafah, kesusasteraan, agama, tafsir, biografi, sejarah, sosiologi dan politik sama ada Islam atau barat. Di Malaysia Almarhum Tun Abdul Razak menyebut promovendus Prof. Dr. Hamka sebagai seorang pujangga Islam yang menjadi kebanggaan semua rumpun Melayu. 'Hamka bukan sahaja milik bangsa Indonesia tapi juga kebanggaan bangsa-bangsa Asia Tenggara' (H.Rushdi Hamka 2002: 17).

Ketokohan Hamka sebagai penulis diakui ramai pihak terutamanya golongan akademik yang terdiri daripada penyelidik dan pensyarah institut pengajian tinggi. Tertubuhnya Stesen Pengajian Buya HAMKA oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia juga merupakan satu nilai tambah yang menunjukkan kepentingan tokoh ini walaupun telah meninggalkan kita hampir 3 dekad. Kepelbagaian seminar, jurnal, media yang diadakan dan gelaran sebagai ‘Pahlawan Nasional Indonesia’ pada tahun 2011 oleh kerajaan Indonesia menunjukkan Hamka merupakan seorang tokoh yang memiliki pelbagai kelebihan. Selain itu, penulisan beliau juga mempunyai idea yang tulen, jujur dan ikhlas menyebabkan karyanya dapat bertahan dan masih digunakan sehingga hari ini. Peranannya dalam politik dan agama juga turut menyumbang kepada nilai tambah karyanya yang penuh dengan mesej berunsur nasihat dan bertunjangkan realiti sebenar kehidupan masyarakat. Oleh itu, kajian yang dijalankan melalui analisis bibliografi cuba menilai karya-karya Hamka dan penulisan mengenai beliau yang mampu bertahan hingga ke hari ini dan telah diulang cetak beberapa kali. Karya Hamka masih menjadi pilihan beberapa orang penerbit di Indonesia dan Malaysia khususnya yang terus menerbitkan karya Hamka selepas beliau meninggal dunia.

#### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenali Buya HAMKA sebagai penulis dan pemikir dengan lebih dekat lagi melalui analisis bibliografi karya beliau dan terbitan mengenai beliau yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia didapati antara yang terbesar tentang HAMKA berbanding dengan koleksi perpustakaan lain di Malaysia. Koleksi ini juga mempunyai banyak kepelbagaian dari segi bidang penulisan, pengarang, tempat dan tempoh karya-karya diterbitkan. Kepelbagaian ini berpotensi menghasilkan data yang memberi penemuan yang menarik tentang pengkaryaan Buya Hamka.

#### METODOLOGI

Kaedah kajian ini ialah melalui kajian perpustakaan, analisis data bibliografi dan temubual. Melalui semakan katalog koleksi beberapa perpustakaan utama di Malaysia, karya oleh Buya Hamka dan

terbitan mengenainya telah dikenalpasti. Perpustakaan-perpustakaan tersebut adalah Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), Perpustakaan Universiti Malaya iaitu Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dari semakan pertama untuk mengenalpasti dan menyenaraikan terbitan-terbitan tentang HAMKA, semakan peringkat kedua dijalankan bagi mengenalpasti pertindihan judul-judul yang terdapat dalam koleksi perpustakaan yang dirujuk. Hasilnya, didapati 612 judul buku yang ditulis oleh HAMKA dan buku-buku mengenai HAMKA dalam koleksi perpustakaan perpustakaan tersebut. Bilangan judul tentang HAMKA yang terdapat dalam koleksi setiap perpustakaan yang dirujuk adalah seperti berikut:

- |  |          |
|--|----------|
| i. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) :             | 173 unit |
| ii. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) :                           | 157 unit |
| iii. Perpustakaan Universiti Malaya (UM) :                         | 126 unit |
| iv. Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) :                               | 89 unit  |
| v. Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris: | 67 unit  |

Walau bagaimanapun, koleksi PNM telah dipilih disebabkan data katalog koleksinya mengandungi maklumat yang lebih lengkap dari segi cetakan, edisi dan bidang penulisan. Selain itu, temubual juga telah dilakukan dengan individu yang mengenali Buya Hamka iaitu Bapak Hanif Rasyid yang bertugas sebagai Pengelola Muzium Kelahiran Buya Hamka, dan Pak Zainol Arifin selaku pengetua Pesantren Prof. Dr. Hamka, kedua-duanya bertempat di Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia. Temubual di atas telah diadakan semasa kumpulan penyelidik ATMA menjalankan kerja lapangan di Maninjau, Indonesia pada Oktober 2012.

#### HAMKA

HAMKA merupakan seorang intelektual yang gigih berupaya mengubah pola kehidupan dari tradisional ke moden yang berasaskan agama Islam. Dalam mempertahankan kebenaran beliau seringkali

berhadapan dengan berbagai tentangan dan halangan. Antara cabaran yang paling besar adalah apabila beliau ditahan dan dimasukkan ke dalam penjara. Walau bagaimanapun, HAMKA menganggapnya sebagai cabaran dalam meneruskan kehidupan demi mencapai matlamatnya.

HAMKA dilahirkan pada 17 Februari 1908 bersamaan dengan 14 Muharam 1320 Hijriah di Sungai Batang, di pinggir tasik Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia dan meninggal dunia di Jakarta pada 24 Julai 1981 iaitu ketika berumur 73 tahun (Mohammad Redzuan Othman 2008). Hamka adalah akronim kepada nama sebenar Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (Abdul Rahman Abdul Aziz 2002). Ayahnya ialah Syekh Abdul Karim bin Amrullah atau dikenali sebagai Haji Rasul, seorang pelopor Gerakan Islam (tajdid) di Minangkabau. Jolokan Buya diperolehi ketika hayatnya, iaitu panggilan penghormatan masyarakat Minangkabau yang berasal daripada bahasa Arab. "Buya" yang diambil daripada perkataan Arab 'Abi' atau 'Abuya' yang membawa maksud ayah atau seseorang yang amat dihormati.

Hamka memiliki pendidikan formal hingga gred 2 di Sekolah Rendah Maninjau, Padang Sumatera Indonesia. Ketika berumur 10 tahun, ayahnya membuka sekolah Thawalib atau sekolah fardhu ain di kampung halamannya iaitu Padang Panjang. Selain fasih berbahasa Melayu Indonesia, HAMKA juga fasih dan menguasai bahasa Arab. Beliau menjadikan Syekh Ibrahim Musa, Syekh Ahmad Rasyid, Sutan Mansur, R.M. Surjopranoto dan Ki Bagus Hadikusumo, cendekiawan Muslim tersohor sebagai mentornya.

Hamka merupakan seorang yang bijak menggunakan masa dan ruang sepenuhnya menyebabkan HAMKA mampu menjadi 'Sang Inspirator' (Hanif Rasyid 2012). Beliau lebih banyak belajar sendiri dan melakukan penyelidikan meliputi pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Dengan kemahiran bahasa Arab yang tinggi, beliau juga berjaya menyelidiki karya ulama dan pujangga besar di Timur Tengah seperti Zaki Mubarak, Jurji Zaidan, Abbas al-'Aqqad, Mustafa al-Manfaluti dan Husein Haikal. Melalui bahasa Arab juga, dia meneliti karya sarjana Perancis, Inggeris dan Jerman seperti Albert Camus, William James, Freud, Toynbee, Jean Sartre, Karl Marx dan Pierre Loti yang telah diterjemahkan kepada bahasa Arab.

Selain itu, Hamka juga mempunyai hobi dan suka menghabiskan masanya dengan membaca buku falsafah, sastera, sejarah, dan politik. Hal ini

menyumbang kepada penulisannya yang terdiri dari pelbagai bidang. Walau bagaimanapun, penulisannya juga banyak dipengaruhi kehidupan hariannya yang jatuh dan naik serta pengembaraan sepanjang hidupnya. Selama 40 tahun beliau merantau di pelbagai daerah di sekitar Indonesia iaitu di Makasar 3 tahun, Medan 11 tahun dan Jakarta 22 tahun dan selebihnya di Padang Panjang iaitu daerah kelahirannya (Hanif Rasyid t.t).

## HAMKA DALAM BIDANG PENULISAN

Intipati kepengarangan Hamka adalah berteraskan liku-liku kehidupannya yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran, masalah, konflik, pengembaraan, pertemuan, perpisahan dan sebagainya (Hanif Rasyid 2012). Selain itu, kepengarangan Hamka juga bermula dengan sifat 'cinta'. Hal ini dibuktikan dalam ribuan kali pidato, dakwah dan khutbahnya beliau menghuraikan erti cinta (H. Rushdi Hamka 2002). Hamka mengarang melalui ilham iaitu melalui apa yang dilihat, alami dan rasa. Ilham beliau datang untuk mengarang adalah dari pukul 7 pagi hingga 9 pagi iaitu setelah selesai membaca Al-Quran atau surat khabar. Salah satu kebiasaan Hamka ketika mahu menulis ialah menghentak-hentakan kedua jari telunjuknya di atas meja seperti menaip dengan dua jari. Kebiasaan ini sering berlangsung pada waktu makan atau semasa menerima tamu mahu pun sedang dalam perjalanan (H. Rushdi Hamka 2002).

Sebagai penulis, Hamka telah menghasilkan lebih dari 100 buah buku, ratusan rencana majalah, esei dan artikel yang tersebar dalam media massa seperti Pedoman Masyarakat, Aliran Islam, Suara Partai Masyumi, Hikmah, Mimbar Agama dan Panji Masyarakat. Penulisan Hamka bermula dari umur 17 tahun iaitu sewaktu beliau menulis karya pertamanya berjudul Khatibul Ummah yang bermaksud khatib dari umat yang ditulis dalam huruf Arab dan telah dijilid sebanyak 3 kali di Padang Panjang, Sumatera, Indonesia.

Kehadiran Hamka dalam bidang penulisan bukanlah bermula sebagai penulis kesusasteraan yang rasmi. Beliau juga tidak berdiri sebaris pengarang terkemuka seperti dalam Angkatan Belia dan Pustaka. Karyanya mula disiarkan dalam majalah Islam, Pedoman Masyarakat dan kategori cerita bersambung. Antara majalah yang memuatkan karya Hamka adalah seperti berikut:

- i. Khatibul Ummah Jilid I (1925), ii (1926) dan iii (1927)

- ii. Majalah Tentara (1932)
- iii. Majalah Al-Wahdi terdiri dari sembilan nombor di Makassar (1932)
- iv. Majalah Semangat Islam (1943)
- v. Majalah Menara Terbit (1946)
- vi. Majalah Pedoman Masyarakat (1942)
- vii. Majalah Panji Masyarakat (1959-1981)
- viii. Majalah Mimbar Agama Department Agama (1950-1953)

Selain itu, Hamka juga menulis mengenai adat Minangkabau. Sebagai anak yang membesar dalam adat Minangkabau, Hamka banyak menulis mengenai pelaksanaan adat Minangkabau yang dikaitkan dengan ketidakrelevanan dengan agama Islam. Ini ditambah dengan penderitaan yang dialami beliau akibat dari adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Minangkabau. Bagi beliau adat ini telah menyebabkan keruntuhan rumahtangga ayah dan ibunya sehingga terpisah. Kepedihan ini terbayang dalam karya-karya sastera beliau. Hamka secara sinis dan tajam mengkritik adat yang pada pendapat beliau melemahkan jiwa keislaman. Hamka meluahkan sentimen tersebut dalam karya-karya fiksi dan bukan fiksi seperti berikut

- i. Si Sabariyah (1928)
- ii. Laila Majnun (1932)
- iii. Di bawah Lindungan Kaabah (1938)
- iv. Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk (1939)
- v. Merantau Ke Deli (1939)
- vi. Mati Mengandung Malu (Karya terjemahan oleh Manfaluthi) (1934)
- vii. Terusir (1941)
- viii. Margaretha Gauthier (1940)
- ix. Tuanku Direktur (1939)
- x. Didjemput Mamaknya (1962)
- xi. Menunggu Beduk Berbunyi (1950)
- xii. Mandi Cahaya di Tanah Suci (1953)
- xiii. Empat Bulan di Amerika (1954)
- xiv. Mengembara di Lembah (1950)
- xv. Di Tepi Sungai Dajlah (1953)

Karyanya juga banyak berkisar tentang sejarah terutama sejarah umat Islam dan penulisan berbentuk biografi tokoh-tokoh Islam Dunia yang termasuk karya berikut:

- i. Sejarah Umat Islam (1938)
- ii. Ayahku Biografi (1957)
- iii. Pembela Islam, Tarikh Abu Bakar Sidik (1929)
- iv. Ringkasan Tarikh Islam (1929)
- v. Sejarah Islam Sumatra (1938)
- vi. Dari Perbendaharaan Lama (1963)
- vii. Fakta Dan Khayal Tuanku Rao (1970)

- viii. Sayid Jamaludin Al-Afghani (1965)
- ix. Kenang-Kenangan Hidup (1979)
- x. Muhammadiyah Melalui Tiga Zaman (1946)
- xi. Kenang-Kenangan Di Malaysia (1957)

Penglibatan Hamka dalam bidang politik atau kenegaraan juga semakin rancak selepas beliau begitu aktif memberi kutbah-kutbah berkaitan agama. Dalam masa yang sama, Hamka berpeluang mengikuti kursus-kursus politik yang diberikan oleh tokoh-tokoh Serikat Islam seperti H.O.S. Tjokroaminoto sehingga ia dapat memahami gagasan-gagasan sosialisme dalam masyarakat Islam. Melalui R.M.Suryo Pranoto pula, ia mendapatkan pelajaran Sosiologi dan dengan H.Fakhrudin iaitu ketua Muhammadiyah ketika itu, beliau juga mendapatkan wawasan keislaman yang lebih baik dari pada apa yang di perolehinya di kampung. Penglibatannya yang aktif dalam politik telah menggalakkan beliau untuk menulis dan menghasilkan karya mengenai bidang yang baharu diterokainya. Karya-karya ini termasuk yang berikut:

- i. Revolusi Agama (1946)
- ii. Negara Islam (1946)
- iii. Merdeka (1946)
- iv. Islam Dan Demokrasi (1946)
- v. Revolusi Fikiran (1946)
- vi. Dilamun Ombak Masyarakat (1946)
- vii. Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi (1946)
- viii. Sesudah Naskah Renville (1946)
- ix. Urat Tunggang Pancasila (1952)
- x. Expansi Idiologi (Aghazwul Fikri) (1963)
- xi. Pidato Pembelaan Peristiwa Tiga Maret (1947)
- xii. Cita-Cita Kenegaraan Dalam Ajaran Islam (1970)
- xiii. Falsafah Idiologi Islam (1950)

Seterusnya sebagai anak kepada pejuang Islam telah menjadikan Hamka lebih berketrampilan dan terkenal sebagai pendakwah Islam yang berkarisma tinggi dan menjadi salah satu sebab pidatonya sering mendapat perhatian. Dasar-dasar pengetahuan agama yang telah di peroleh di kampung, sering dimanfaatkan beliau untuk memahami ceramah-ceramah agama. Persekitaran ini turut memupuk jiwa Hamka untuk menjadi ulama dan sasterawan Islam. Pengalamannya dalam berdakwah juga menunjukkan beliau sangat aktif dalam aktiviti keagamaan. Beliau juga mengajar cara mengerjakan haji yang betul kepada jemaah haji Indonesia dan merupakan pengasas Kolej Al-Muballighin untuk melatih pendakwah dan menerbitkan majalah dakwah seperti Pembela Islam, Merdeka, Menara,

Pemandangan, Gema Islam, Pedoman Masyarakat dan Qathib al-Ummah. Hal ini menggalakkan dan mendorong beliau menulis tentang bidang keagamaan termasuk seperti berikut:

1. Chatibul Ummah (1926 Jurnal Muhammadiyah)
2. Tasauf Modern, 1939
3. Falsafah Hidup, 1940
4. Lembaga Hidup, 1940
5. Lembaga Budi, 1940
6. Perkembangan Tasauf dari Abad ke Abad, 1952
7. Lembaga Hikmat, 1953
8. Islam dan Kebatinan, 1972
9. Pandangan Hidup Muslim, 1960
10. Mengembalikan Tasauf ke Pangkalnya, 1942
11. Renungan Tasauf, Kumpulan Ceramah, 1985
12. Pribadi, 1950
13. Muhammadiyah Melalui Tiga Zaman, 1946
14. 1001 Soal Hidup, Kumpulan Karangan di Pedoman Masyarakat, 1950
15. Soal Jawab, 1960 (disalin dari karangannya dimajalah Gema Islam)
16. Di Lembah Cita-Cita, 1952
17. Himpunan Khotbah, 1952
18. Bohong di Dunia, 1952
19. Do'a-do'a Rasulullah SAW, 1974
20. Kedudukan Perempuan Dalam Islam, 1970
21. Muhammadiyah di Minangkabau, 1975
22. Mutiara Filsafat, Rangkuman dari Tasauf Modern, Filsafat Hidup. Lembaga Hidup dan Lembaga Budi, 1956
23. Mutiara taraweh dan Idul Fitri, 1991
24. Akhlaqul Karimah, 1992
25. Beberapa Tanya Jawab Umat Islam masa kini (1972)
26. Revolusi Fikiran (1946)
27. Mengembara di Lembah Nil (1951)
28. Tasauf Perkembangan dan Pemurniannya (1939)
29. Adat Minangkabau dan Agama Islam (1929)
30. Perkembangan Kebatinan di Indonesia (1976)
31. Keadilan Ilahi (1940)
32. Di dalam lembah kehidupan (kumpulan cerpen) (1958)
33. Ghirah, Cemburu (1962)
34. Di dalam Lembah Cita-cita (1946)
35. Tafsir Al-Azhar, 30 Juz (1986)

## ANALISIS DAN DAPATAN

Kajian koleksi Perpustakaan Negara Malaysia telah menemui sebanyak 157 buah buku yang terdiri dari

pelbagai judul buku dan judul buku yang sama tetapi berbeza tahun dan penerbit. Terdapat sebanyak 91 judul dalam 157 koleksi buku tersebut. Buku yang dikenalpasti adalah terdiri dari yang dituliskan sendiri dan penulis lain sebagaimana dilihat dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1. Bilangan karya dihasilkan Hamka dan penulis lain

Bil.	Penulis	Bilangan (Buah)	Bilangan (judul)
1	HAMKA	121	66
2	Penulis lain	36	25
Jumlah		157	91

Jadual 2. Nama penulis lain

No.	Penulis
1.	Hamka
2	Ibrahim Abu Bakar
3	Asri Ibrahim
4	Organisasi Pengarang Indonesia.
5	Jamudin Idris
6	Azman Haji Yusof.
7	Anthony Reid & David Marr, eds.
8	Abdul Azim Roslan.
9	Mohamed Bin Abas, comp.
10	M. Saribi.
11	Abdul Razak Saleh
12	Zulkifli Bin Yahya.
13	Nasir Tamara, Buntaran Sanusi, Vincent Djauhari, eds.
14	H. Rusydi Hamka.
15	Junus Amir Hamzah.
16	Abu Zaki Fadzil.
17	Prof. Madya Dato' Dr. Siddiq Fadzil
18	Dr. Nashitah Bt Ibrahim.
19	Md Sidin Ahmad Ishak, ed..
20	Abdul Rahman Abdul Aziz.
21	Sidek Baba, ed..
22	Saiee Driss.
23	Wan Abdul Hamid Wan The.
24	Penyusun H. Rusydi Hamka & Aff Hamka.
25	Ahmad Yani Abd Manaf.
26	Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad
27	Sirhan Ansari.
28	Mohammad Damami.
29	Hazami Jahari.

## Bidang

Jadual 3 menunjukkan penulisan jenis biografi dan bibliografi dan 5 bidang penulisan yang diperoleh daripada semua 91 judul yang didapati dari PNM iaitu penulisan jenis autobiografi dan biografi dan bidang sastera, Islam, politik, sejarah dan undang-undang/adat.

Jadual 3. Jenis dan bidang penulisan

No.	Bidang	Bilangan (Buah)	Peratus
1.	Biografi /autografi	29	31.9
2.	Sastera	13	14.3
3.	Agama Islam	37	40.7
4.	Politik	4	4.4
5.	Sejarah	7	7.7
6.	Undang-Undang / Adat	1	1.1
Jumlah		91	100

Bidang yang paling tinggi bilangannya adalah bidang agama Islam iaitu sebanyak 40.7 % atau 37 judul. Dibawah bidang keagamaan terdapat beberapa cabang penulisan yang boleh dipisahkan kepada 8 iaitu pertama, falsafah yang terdiri dari karya yang bertajuk:

1. 1001 soal-soal hidup
2. Falsafah hidup
3. Falsafah Islam
4. Falsafah ketuhanan
5. Lembaga budi
6. Lembaga hidup

Kedua, Tafsir Al-Quran yang terdiri dari 2 karya iaitu 'Tafsir Al-Azhar : Juzu' 1-30' oleh Hamka dan 'Metodologi Hamka di dalam tafsir Al-Azhar oleh Yayasan Islam Terengganu. Ketiga, mengenai hak asasi dan undang-undang dan karya-karya Hamka bertajuk 'Hak asasi manusia dalam Islam & deklarasi PBB' dan 'Keadilan sosial dalam Islam'. Keempat, mengenai sastera Islam dan karyanya ialah 'Mencari dia oleh Hamka dan 'Hamka berkisah tentang Nabi dan Rasul : untuk cucu-cucu di Indonesia dan Malaysia oleh M.Saribi Afr. Kelima ialah mengenai sosial dan kemasyarakatan. Penulisan ini banyak dihasilkan Hamka kerana baginya terlalu banyak elemen dalam kehidupan yang perlu dilalui oleh masyarakat yang mesti berlandaskan agama Islam. Antara karyanya adalah:

1. Akidah Islam dalam karya Hamka
2. Amalan perisai ghaib
3. Bohong di dunia
4. Cara mengenal tuhan
5. Dari lembah tjita-tjita
6. Doa-doa rasullulah
7. Ghariah dan tentangan terhadap Islam
8. Hari akhirat, Iman & amal soleh
9. Pandangan hidup muslim
10. Peribadi
11. Perkembangan tasauf dari abad-keabad
12. Permata yang hilang kini dijumpai
13. Renungan tasauf

14. Tasauf moden dan
15. Teguran suci & jujur terhadap mufti Johor: sebuah polemik agama.

Selain itu dalam membela kaum wanita, Hamka juga ada menulis mengenainya iaitu bertajuk 'kedudukan perempuan dalam Islam'. Baginya wanita juga harus tahu di mana kedudukan mereka dalam Islam lebih-lebih lagi bagi yang bergelar isteri. Selain itu, Hamka juga sememangnya terkenal sebagai peminato terbaik kerana susun katanya mampu membuatkan pendengarnya tertarik dan dalam masa yang sama memahami kandungan ucapannya. Hal ini menyebabkan beliau mampu memberi pelbagai ceramah dan kutbah. Antara karyanya ialah:

1. Kumpulan khutbah Jumaat Al-Azhar
2. Pegangan hidup [cakera padat]: kuliah Hamka
3. Puasa di bulan Ramadhan [cakera padat]: kuliah Hamka

Seterusnya yang terakhir beliau juga tidak lupa untuk memberi dan menyediakan buku untuk dijadikan panduan kepada masyarakatnya iaitu bertajuk 'Pelajaran agama Islam'.

Penulisan jenis autobiografi dan biografi merupakan kedua tertinggi dari keseluruhan penulisan iaitu 31.9% atau sebanyak 29 judul. Bidang ini terdiri dari dua jenis iaitu karya yang dihasilkan oleh Hamka dan penulisan mengenai Hamka. Karya yang ditulis oleh beliau adalah:

1. Ayahku: riwayat hidup Dr. H. Abdul Karim Amrullah
2. Perjuangan kaum agama di Sumatera
3. Kenang-kenangan hidup
4. Kenang-kenanganku di Malaya
5. Pribadi
6. Said Djamiluddin Al-Afghany: pelopor kebangkitan Muslimin

Sebagai seorang penulis, pemikir dan ahli falsafah Melayu Islam yang paling prolific menghasilkan penulisan dan pemikirannya termasuk karya-karya agung menjadikan ramai penulis menulis mengenai diri dan karyanya. Antara karya dan penulisnya adalah seperti:

1. Hamka [microfiche]: a bibliography of the works of Prof.Dr.Haji Abdul Malik Karim Amrullah oleh Mohamed bin Abas
2. Hamka pujangga Islam kebanggaan rumpun Melayu: menatap peribadi dan martabatnya oleh Rusydi Hamka

3. Pribadi dan martabat Buya Prof. Dr. Hamka oleh Rusydi Hamka
4. Buya Hamka berhutang untuk ke Makkah oleh Jamudin Idris
5. Hamka: ulama serba boleh susunan Abdul Azim Roslan

Seterusnya dalam bidang sastera iaitu sebanyak 14.3% atau 13 judul yang merupakan ketiga tertinggi. Beliau yang dilahirkan dalam keluarga yang mengamalkan adat Minangkabau yang mempunyai pelbagai seni dan budaya yang tersendiri dan dilahirkan di tepi tasik sungai Maninjau menjadikan beliau begitu kreatif dan berilham tinggi dalam berkarya. Selain itu di bawah bidang ini, terdapat juga beberapa penulis tempatan yang membincangkan mengenai penulisannya. Judul-judul yang dihasilkan mempunyai jalan cerita yang menarik, mempunyai mesej tersendiri, bahasa yang mudah difahami dan kebanyakannya ditulis di atas kerealitian sebenar iaitu berdasarkan pengalaman dan pengembaraan beliau. Judul-judul penulisan Hamka seperti:

1. 'Di dalam lembah kehidupan',
2. 'Kerana fitnah',
3. 'Menunggu bedok berbunyi',
4. 'Merantau ka-Deli',
5. Mencari dia
6. Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (TKVDW) : antara kisah cinta yang tragis dan kritikan sosial yang tajam dari pena Hamka

Bagi bidang sejarah, politik dan undang-undang adat pula, dikenalpasti 7 buah judul mengenai sejarah (7.7%), 4 buah judul mengenai politik (4.4%) dan sebuah judul undang-undang (1.1%). Karya sejarah adalah terdiri dari judul:

1. 'Apakah batjaan tjabul? : diskusi',
2. 'Bercerita sirah Nabi Muhammad (S.A.W)',
3. 'Dari perbendaharaan lama',
4. 'Dari Raja Ali Haji hingga Hamka',
5. 'Indonesia dan masa lalunya',
6. 'Hamka bercerita kisah Nabi & Rasul',
7. 'Mengalu-alukan kemerdekaan Malaya' dan 'Sejarah umat Islam'.

Manakala judul yang dihasilkan dalam bidang politik adalah:


1. Beberapa tantangan terhadap ummat Islam dimasa kini
2. Dari hati ke hati : bercakap soal agama
3. Sosial-Budaya & politik, Islam: revolusi

4. Ideologi dan keadilan sosial
5. Pemimpin & pimpinan Islam.

Sebuah judul yang ditemui mengenai undang-undang adat adalah bertajuk 'Islam & adat Minangkabau.

### Tempoh dan Tahun Penerbitan

Rajah 1 menunjukkan peratus tahun-tahun penerbitan karya Hamka. Sekitar tahun 2001 hingga 2010 menunjukkan bilangan penerbitan yang paling tinggi iaitu 48 buah atau 30.6 % berbanding dengan tahun-tahun yang lain yang hanya di terbitkan di Malaysia sahaja. Sekitar tahun 2001–2010 juga memperlihatkan sebanyak 31 buah buku diulang cetak oleh penerbit. Hakikat ini menunjukkan bahawa karya Hamka mendapat permintaan, dibaca serta dirujuk oleh pembaca mahupun penyelidik walaupun 32 tahun selepas beliau meninggal dunia terutama oleh rakyat Malaysia. Selain itu, sebanyak 17 buah buku yang diterbitkan tentang Hamka terdiri dari koleksi penulisan tentang beliau, pengalihan bahasa, penulisan semula, penyelenggaraan dan penyuntingan.



Rajah 1. Tahun-tahun penerbitan karya Hamka yang terdapat di PNM

Tempoh bilangan penerbitan yang kedua tertinggi adalah pada tahun 1961 hingga 1970 iaitu 36 buah buku atau 22.9% dari jumlah keseluruhan. Sekitar tempoh dekad ini Hamka menghasilkan karya ketika berumur sekitar 39 hingga 49 tahun. Ini menunjukkan Hamka aktif menulis sekitar umur belum mencapai 50 tahun. Merujuk biografi hidup beliau ketika usia dalam dekad ini beliau aktif dalam kegiatan dakwah islamiah. Antara kegiatan beliau ialah memimpin Jemaah Masjid Agung Al-Azhar dalam pusat pimpinan Muhammadiyah dan menerbitkan majalah 'Gema Islam' serta Panji


Masyarakat. Walau bagaimanapun dalam sekitar tahun ini juga Hamka mengalami tekanan pemerintah apabila beliau ditahan atas tuduhan melanggar Pen Press Anti Subversif (ISA). Namun disebabkan kegigihan dan minat yang tinggi, selain bidang penulisan menjadi sumber pendapatan utama, beliau masih mampu menulis. Antara judul sekitar tahun ini ialah '1001 soal-soal hidup', 'Bohong didunia', 'Dari lembah tjita-tjita', 'Di-dalam lembah kehidupan', 'Falsafah hidup', 'Filsafat ketuhanan', 'Keadilan sosial dalam Islam', 'Kerana fitnah', 'Menunggu bedok berbunyi', 'Merantau ka-Deli', 'Pelajaran agama Islam', 'Pribadi', 'Said Djamaluddin al-Afghany : pelopor kebangkitan Muslimin dan Sejarah umat Islam'.

Manakala yang ketiga tertinggi ialah sekitar tahun 1981 hingga 1990 iaitu era selepas kematian beliau iaitu 20 buah buku atau sebanyak 12.7% dari jumlah keseluruhan. Satu daripadanya adalah buku yang dihasilkan oleh anak beliau mengenai ketokohan beliau iaitu bertajuk 'Pribadi dan martabat Buya Prof. Dr. Hamka' dan selebihnya adalah buku-buku yang diulang cetak. Bagi menghargai ketokohan dan memperingati beliau menyebabkan buku-bukunya mempunyai permintaan yang tinggi dan menjadi galakan kepada penerbit untuk terus menerbitkannya.

### Negara Penerbitan

Rajah 2 menunjukkan negara-negara karya Hamka diterbitkan. Malaysia menerbitkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 117 buah buku atau sebanyak 74.5% dari jumlah keseluruhan buku Hamka dalam koleksi PNM. Ini melebihi dari penerbitan negara Indonesia yang hanya 21.7% atau 34 buah dari koleksi tersebut. Secara kasar, hakikat ini menggambarkan Malaysia lebih menghargai penulisan dan pemikiran beliau. Hal ini juga pernah disuarakan oleh sepupu Hamka iaitu Hanif Rasyid sewaktu ditemubual di Muzium Kelahiran Buya Hamka pada 12 November 2012 yang lepas dan keluhkesahnya dalam Berita Harian 3 Oktober 2011. Namun, perbandingan dengan Perpustakaan Nasional Indonesia dan perpustakaan utama yang lain perlu dibuat bagi mendapatkan perangkaan sebenar jumlah koleksi HAMKA yang terdapat di perpustakaan tersebut. Karya Hamka juga menjadi pilihan penerbit beberapa negara lain walaupun bilangannya kecil. Singapura dan Australia yang masing-masing menerbitkan 4 buah dan 1 buah judul karya HAMKA. Antara judul yang diterbitkan di Singapura ialah 'Kenang-kenanganku di Malaya',

yang telah diterbitkan sebanyak 2 kali, 'Tafsir Al-Azhar : juzu' 2' dan 'Tafsir Al-Azhar : juzu'3' manakala bagi Australia pula bertajuk *Hamka [microfiche] : a bibliography of the works of Prof.Dr.Haji Abdul Malik Karim*.



Rajah 2. Taburan negara penerbitan karya-karya Hamka di PNM

### KESIMPULAN

Ketokohan Hamka selama 73 tahun dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai penulis, perangsang, penasihat kepada agama, bangsa dan negara malah pada keluarganya sangat bermakna dan sering menjadi inspirasi kepada generasi kini. Hal ini juga dibuktikan apabila beliau diiktiraf sebagai Pahlawan Nasional Indonesia pada tahun 2011 iaitu selepas 30 tahun beliau kembali kerahmatullah. Beliau dikatakan 'pergi' setelah selesai menyumbang bakti iaitu menyempurnakan tugas-tugas beliau di dunia antaranya berjaya menerbitkan tafsir Al-azhar sebanyak 30 juzu' dan berkesempatan mengajak dan merangsang pengarang-pengarang muda Islam dalam barkarya (Hanif Rasyid 2012). Peninggalan karya-karya beliau merupakan khazanah yang sangat berharga tidak kira bagi masyarakat Indonesia, Malaysia, Singapura mahupun seluruh nusantara. Latar belakang beliau juga tidak menjadi penghalang untuk diterima oleh keseluruhan masyarakat alam Melayu dan Asia Tenggara khususnya dan dunia amnya walaupun dalam era globalisasi kini yang seringkali berlaku ketidaksefahaman antara sesama bangsa termasuk bagi bangsa Melayu Indonesia dan bangsa Melayu Malaysia. Namun ketokohan Hamka tetap dapat diterima kerana idea dan pemikirannya dalam berkarya adalah penuh dengan kejujuran, keikhlasan serta penuh informasi terutama yang berkaitan dengan keagamaan. Walaupun kehilangannya sudah hampir tiga dekad namun karyanya dapat bertahan sehingga ke hari ini dan



masih menjadi pilihan kepada masyarakat khususnya kepada para pengkaji akademik sehingga lahirnya Stesen Pengajian Buya HAMKA oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Maninjau, Indonesia.

#### RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2002. *Pemikiran Etika Hamka*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hanif Rasyid. 2012. Kisah kehidupan Hamka, Indonesia: Maninjau. Temubual, 12 November.
- Hanif Rasyid. t.t. *Hamka Sang Inspirator*. Indonesia: Muzium Rumah kelahiran Buya Hamka.
- H.Rushdi Hamka. 2002. *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Mohammad Redzuan Othman. 2008. Sumbangan Hamka dalam penulisan Sejarah Melayu di Alam Melayu. Dlm. Sidek Baba (Pnyt.). *Pemikiran Hamka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 115-129.

Zawiyah Baba  
Felo Utama  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: zawiyah.baba@gmail.com  
Tel: + 6012 2329549

Zuraidah Hassan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: zuraidah256@gmail.com  
Tel: + 6011 15672008

